

### **Dengan Puisi Ini Aku Naik Saksi**

Dengan puisi ini aku naik saksi

Aku

Bila mati nanti

Mahu jasad kerdil ku

Bersemadi diperut bumi

Menjadi tanah

menjadi baja

Menyuburkan pohon pepohon

Agar ianya tumbuh rendang

Meneduhkan anak anak ku

Yang berisitirihat

Ketika lelah penat berlari

mengejar duniawi

Dengan puisi ini aku naik saksi

Aku

Bila mati nanti

Mahu tubuh ku yang sekarang enak

Memakan makanan lazat

Dimakan cacing dan ulat

yang lalu kemudian dimakan burung burung

Menjadi tenaga penggerak sayap

yang berkibar menebar

lantas hinggap diatas dahan

Pohon pepohon nan rendang

Bersiulan

Menghiburkan anak anak ku

Yang sedang berteduh

Kerana penat berlari

Dibantai terik matahari

Dengan puisi ini aku naik saksi

Aku

Bila mati nanti

Mahu suara ku terus berteriak

Dari huruf huruf rumawi ini

Atas bait bait puisi

Menjadi api berkobar pemanas

Tatkala anak anak ku

Dingin menggigil kesejukan

Dan ketakutan

Digonggong anjing tengah malam

Dengan puisi ini aku naik saksi

Aku

Jangan kau bunuh sekarang

Kerana suara ku ini

Akan jauh lebih lantang

Daripada kala aku

Tegak berdiri

Dengan puisi ini aku naik saksi

Aku

Bila mati nanti

Akan terus hidup

Hidup lagi.

## **Zikir Alam**

Alam Berqasidah

Dengan puji pujian menjunjung sabda dan firman

Pohon, lautan, batu, bunga, haiwan, kuman, gunung, langit, awan, cakrawala

Dan segala atom, eon, proton dan molekul berpusar

Gerak putar melawan arah tangan jam

Seperti para darwish

Yang asyik zauq dalam lingkaran zikir-tari

Lidah hati tak henti menyebut nama yang Abadi

### **Ibu Adalah Seorang Penyair**

Doa ibu adalah sebuah puisi

Yang dituliskan untuk anak

Yang hanya dibacakan

Kepada Tuhan

Apabila mengangkat tangan

Menyerah hati pada Takdir

Menyerah nasib pada Ketentuan

Menyerah hidup pada usaha

Anak tidak akan pernah mendengar

Puisi karya ibu

Bisik risau hatinya

Tatkala anak tidak pulang

Tatkala anak tidak makan

Tatkala anak tidak kenyang

Tatkala anak tidak sembahyang

Ibu adalah seorang penyair

Tintanya adalah keluh dan airmata

**Sebelum Terlena**

Malam ini  
Peluklah anak anak mu  
Sekuat hati mu  
Sehingga tertidur  
Didalam dakapan selamat mu  
Kerana kau tidak akan tahu  
Esok apakah  
Tulisan ketentuan  
Takdir  
Yang berlakunya  
Pasti

### **Peta Kehidupan**

Kehidupan adalah kembara rohani

Yang digendong jasad

Merentas negeri sementara

Mencari erti dan maknawi

Didalam belantara tanda tanya

Merempuh sejuta macam khuatir

Galau dan risau

Berazimatkan doa

Semoga akhirnya

Bertemu

Gerbang pintu redha yang terbuka luas

Membawa kepantai harapan

Lalu kita berenang kelaut pasrah

Menuju ke Pualu Abadi

### **Saudagar Realiti**

Aku saudagar realiti

Juru jual batu nisan

Boleh tempah, boleh pesan

Satu orang satu pasang

Aku saudagar realiti

Dari Syarikat Alam Barzakh & Company

Anak syarikat Akhirat Holdings

Hari hari ada bisnes

Batu marmar batu marble

Batu ceramic batu bata

Pesan sekarang bayar kemudian

Tempah depan bayar belakang

Buat hari ini dibayar dihari kemudian

Nak lihat sample ada dikilang

Nak lihat contoh sila ke kuburan

Di Pusara Abadi

Tak ada car park

Tapi banyak tanah lapang

Aku saudagar realiti

Tak ada diskaun

Tapi ada gerenti

Air mawar aku kasi *free*  
Untuk yang hidup  
Buat si mati  
Budak kecil orang tua  
Orang bujang anak dara  
Eksekutif Ahli Tentera  
Pak Imam dan juga Tuan Dokter

Ukiran nisan adalah arca  
Kerana kematian itu  
Juga suatu kesenian  
Tulisan jawi atau rumi  
Tulisan nama penuh dengan bin atau binti  
Tarikh lahir tarikh mati  
Tak pakai gelaran pangkat atau darjat  
Kerana mati, mangkat, kojol dan gol  
Semua maknanya adalah sama  
Sudah pasti sudah nyata  
Walau mengelak pasti terkena  
Kalau dah masa  
Nak lari ke mana?  
  
Aku saudagar realiti  
Satu hari nanti  
Kau pasti jadi pelanggan kami

## Hujan Puisi

Hujan lebat  
Adalah sebuah puisi alam  
Karya Tuhan  
Setiap titis  
Seperti huruf  
Menitis  
Mengalir  
Seperti air  
Terkumpul menjadi ayat  
Ayat bertakung menjadi rangkap  
Hingga penuh  
Menjadi puisi alam  
  
Aku manusia penyair  
Mabuk huruf  
Bangkrut kata kata  
Bagai teriakan si bisu  
Dalam sepi

**Roadblock 4:36 pagi**

4:36 pagi

Ada orang mati

Ditembak peluru polis

Kerana dituduh merempuh

Roadblock

Yang menjaga orang orang penting

4:36 pagi

Malaikat maut

Menyentap roh seorang ayah

Seorang suami

Tatkala peluru

menembus pecah tengkorak

Kepala otak

4:36 pagi

Roadblock berhentinya suatu kehidupan

Peluru senapang M16

Menjadi suatu tanda noktah

Layang Layang Robek

Ada layang layang

Tersangkut

Di wair kabel tiang listrik

Seperti impian impian muda  
yang tersangkut dengan keadaan

Tidak dapat lepas terbang

Kelangit angkasa harapan

### **Apa Dah Jadi Dengan Sayap Mu**

Dulu kau bebas

Melayang

Ke barat utara

Kau pantas melintas

Angin melintang

Tapi

Apa dah jadi dengan sayap mu?

Kini

Kau mengesot ngesot

Diatas tanah

Malay Poetry – Second Prize  
Art Fazil